

DATE: 11/6/2010

RMKe-10

Rancangan Kemakmuran Ekonomi dan Keadilan Sosial

Oleh Azman Zakaria, Norfatimah Ahmad, Anwar Hussin, Zabidi Hitam, Halina Md Noor, Rusnita Bechok, Nazura Ngah, Hanisah Selamat, Shaarani Ismail, Wan Faizal Ismayatim, Kharina Yasin, Nurhasyima Hasim, Basir Zahrom, Nik Mohd Shukri Ramli, Khairunnisa Kamarudin, S Anand Kumar, Zanariah Md Mutalib, Ahmad Johari Mohd Ali, Adli Shahar, Alzahrin Alias, Sukhairi Abd Thani dan Faridzwan Abdul Ghafar
bhnews@bharian.com.my

Majlis Tertinggi perkasa pembangunan Bumiputera

PM ketuai badan rancang, selaras, pantau pelaksanaan agenda

KUALA LUMPUR: Bagi memperkasakan agenda pembangunan Bumiputera, satu Majlis Tertinggi akan ditubuhkan untuk merancang, menyelaras dan memantau pelaksanaan agenda berkenaan, kata Datuk Seri Najib Razak.

Perdana Menteri berkata, majlis itu akan diketuai beliau dan dianggotai beberapa menteri kabinet, pegawai kanan kerajaan serta pihak swasta.

“Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri akan menjadiurus setia kepada majlis itu manakala Unit Pengurusan Projek di Kementerian Kewangan akan

memantau program yang berkaitan bagi memastikan pelaksanaan yang cekap dan efektif,” katanya dalam ucapan pembentangan Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) di Parlimen, semalam.

Selain itu, katanya, kerajaan akan mengukuhkan agensi pembangunan keusahawanan seperti Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan Perbadanan Nasional Bhd (PNB) dengan peruntukan sebanyak RM3 bilion.

Katanya, pakej secara bersepadu akan dilaksanakan bagi meningkatkan daya saing dan daya maju Masyarakat Perdagangan dan Per-

industrian (MPPB) untuk mengukuhkan daya tahan dan daya saing mereka.

“Pakej berkenaan akan termasuk latihan keusahawanan, bantuan teknikal, pembiayaan, khidmat rundingan serta promosi dan pemasaran.

“Bagi meningkatkan akses kepada kemudahan pembiayaan, RM1.5 bilion atau separuh daripada tambahan dana Skim Jaminan Modal Kerja sebanyak RM3 bilion diperuntukkan kepada usahawan Bumiputera,” katanya.

Mengenai usaha meningkatkan pemilikan hartanah Bumiputera, Najib berkata Pelaburan Hartanah

Bhd akan menubuhkan Tabung Pelaburan Amanah Hartanah bagi mengurangkan tekanan kepada Bumiputera untuk melabur dalam sektor hartanah komersial dan industri, serta mendapat faedah daripada peningkatan nilai hartanah itu.

Selain itu, katanya, Kampung Baru, yang juga aset Bumiputera di tengah pusat bandar raya Kuala Lumpur, akan dibangunkan semula supaya pemilik tanah dapat merealisasikan nilai sebenar hartanah mereka tanpa menjejaskan kedudukan orang Melayu sebagai pemegang asal tanah di kawasan itu.

BH - 11/6/2010



NAJIB hadir untuk pembentangan RMKe-10 di Parlimen, semalam. Turut kelihatan, Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin.